




ZURAINA MAJID **AHLI ARKEOLOGI PERTAMA NEGARA**

Pernahkah anda terfikir siapakah tokoh penting di sebalik penemuan beberapa tapak penempatan awal manusia di Lembah Lenggong, iaitu di Bukit Bunuh, Bukit Jawa, Kota Tampan dan Manusia Perak di Gua Gunung Runtuh yang menjadi bahan bacaan pelajar dalam buku teks sekolah? Penemuan bersejarah tersebut mengesahkan bahawa manusia telah wujud di Semenanjung Tanah Melayu sejak zaman Paleolitik lagi, seterusnya meletakkan Malaysia sebagai satu daripada tapak arkeologi yang terpenting di dunia.

Tokoh yang dimaksudkan ialah Profesor Emeritus Datuk Dr. Siti Zuraina Abdul Majid, seorang ahli antropologi yang memperkenalkan dan membangunkan cabang ilmu bidang arkeologi di Malaysia. Beliau dilahirkan pada 3 Oktober 1944 dan membesar sebagai anak jati Kuala Lumpur. Profesor Zuraina Majid yang juga penerima Anugerah Merdeka 2022 telah mendapat pendidikan awal di Universiti Malaya dalam ijazah sarjana muda dan meneruskan minat dalam bidang arkeologi dengan memperoleh ijazah sarjana di Universiti Cambridge dan ijazah doktor falsafah di Universiti Yale (1979).





Kecenderungan terhadap arkeologi bermula daripada personalitinya yang suka akan cabaran dan mahu meneroka dunia luar. Pada tahun 1950-an, Zuraina Majid menyangka bahawa hanya kerjaya sebagai seorang pramugari sahaja yang boleh merealisasikan impiannya itu. Namun begitu, pendedahan terhadap arkeologi purba China semasa menuntut di universiti telah membuka mindanya untuk menyelongkar misteri sejarah zaman primitif negara sendiri.

Sebelum penemuan Kota Tampan dan Manusia Perak, Zuraina Majid pernah terlibat dalam kegiatan penggalian atau ekskavasi di Gua Niah, Sarawak, dan beberapa tapak ekskavasi yang lain. Beberapa persoalan bermain di fikirannya tentang zaman prasejarah di Semenanjung Malaysia yang tidak pernah mendapat perhatian. Beliau percaya bahawa laluan penghijrahan awal sebahagian manusia yang bermula dari benua Afrika hingga ke selatan Australia pasti akan melalui rantau tersebut. Zuraina Majid mengambil keputusan untuk menyelidik peristiwa tersebut melalui penulisan akademik tentang penemuan alat batu di Lenggong, dan melawat Muzium British, London, dan Muzium Raffles, Singapura, untuk melihat spesimen batu tersebut dengan lebih dekat.

Cabaran terbesar yang perlu dihadapi oleh Zuraina Majid dan pasukannya adalah untuk meyakinkan pihak agensi kerajaan tentang kepentingan arkeologi kepada negara dan mendapatkan dana penyelidikan. Beliau tidak pernah berputus asa dan mendapat sokongan yang padu daripada ahli keluarganya. Beliau juga sanggup menggunakan wang simpanannya sendiri untuk menjalankan kegiatan ekskavasi tersebut. Zuraina Majid turut mendapat sokongan penuh daripada Universiti Sains Malaysia, Muzium Negara dan ahli arkeologi luar negara bagi membantu kerja-kerja ekskavasi dan analisa spesimen yang ditemui di Lembah Lenggong.

Antara sumbangan Zuraina Majid dalam bidang arkeologi negara termasuklah:

- Mengetuai atau mengambil bahagian dalam kegiatan penggalian dan tinjauan arkeologi di Malaysia.
- Menerbitkan hasil penyelidikan dalam beberapa buah buku dan artikel, yang menjadi rujukan dan pengetahuan baharu kepada masyarakat dan pengkaji lain.
- Melatih generasi baharu melalui kurikulum arkeologi yang ditawarkan oleh Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, Universiti Sains Malaysia.
- Pelibatan secara aktif dalam program pendidikan dan pameran arkeologi di Malaysia bagi meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan memelihara warisan budaya dan mempromosikan kajian arkeologi negara.
- Bekerjasama dengan Jabatan Warisan Negara dalam merangka dasar untuk melindungi tanah dan kawasan yang menjadi tapak arkeologi negara.
- Pelibatan dalam pengiktirafan Lembah Lenggong (2012) dan Bandaraya Bersejarah Melaka dan Georgetown (2008) sebagai Tapak Warisan Dunia oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).
- Pelibatan dalam menyediakan dokumen pencalonan untuk Tapak Warisan Dunia UNESCO bagi Malaysia, iaitu Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Selangor dan Taman Negeri Royal Belum, Perak.

